b. Membincangkan segala program dan aktiviti tahunan kelab dengan guru penasihat.
c. Mempengerusikan semua mesyuarat dan bertanggungjawab atas kesempurnaan semua mesyuarat.
d. Meneliti agenda mesyuarat dan memastikan segala keputusan yang diputuskan diambil tindakan yang sewajarnya.
e. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari semasa ke semasa.

8.2 Naib Pengerusi

a. Membantu pengerusi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberi.
b. Mempengerusikan mesyuarat semasa ketiadaan pengerusi.
c. Memastikan aktiviti-aktiviti kelab berjalan dengan lancar dan

mendapat sambutan daripada ahli-ahli.

d. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari semasa ke semasa.

8.3 Setiausaha

a. Menguruskan hal-hal surat-menyurat.
b. Mencatat dan menandatangani minit mesyuarat/ laporan kegiatan-kegiatan.
c. Mengambil rekod kedatangan ahli-ahli semasa mesyuarat.

8.4 Penolong Setiausaha

a. Membantu setiausaha dalam menjalankan segala tugas dan tanggungjawabnya.
b. Menjalankan tugas setiausaha sewaktu ketiadaan setiausaha.
c. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari semasa ke semasa.

8.5 Bendahari

a. Bertanggungjawab berkenaan semua hal kewangan sersatuan.
b. Membuat dan menyimpan kira-kira berkenaan semua perkara kewangan dan bertanggungjawab di atas kesahihannya.
c. Menyediakan Penyata Kira-kira bulanan dan tahunan serta menandatanganinya.
d. Melaporkan kedudukan kewangan sekiranya diminta di dalam mesyuarat ahli jawatankuasa.
e. Menyediakan Laporan Kewangan untuk diaudit dan dibentangkan dalam Mesyuarat Agung.
f. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari semasa ke semasa.

8.6 Ketua Papan Kenyataan

Menghiaskan dan menyediakan papan kenyataan.

8.7 Wakil Tingkatan/ AJK aktiviti/program khas

a. Membantu menjalankan tugas dalam segala program dan aktiviti yang dilaksanakan.
b. Bertanggungjawab memaklumkan ahli-ahli dari tingkatan masing-masing mengenai aktiviti semasa kelab.
c. Membantu setiausaha mengambil kedatangan ahli semasa mesyuarat dari tingkatan masing-masing.
d. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Guru Penasihat dari semasa ke semasa.

**9. KEWANGAN**

9.1 Sumber kewangan kelab adalah melalui sumbangan secara sukarela (love offering) yang dikutip semasa perjumpaan.

9.2 Kelab juga boleh memperolehi kewangan melalui aktiviti-aktiviti kelab.

9.3 Ahli-ahli yang bersetuju menyertai aktiviti yang memerlukan perbelanjaan besar boleh dikenakan bayaran tersebut.

9.4 Semua pungutan/ penyimpanan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun kelab.

**10. KEHADIRAN/ PENYERTAAN**

10.1 Ahli Kelab wajib menghadiri semua aktiviti kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah.

10.2 Kegagalan berbuat demikian sebanyak tiga kali berturut-turut dikehendaki menulis surat tunjuk sebab.

10.3 Ahli kelab diwajib mematuhi segala peraturan bermesyuarat.

10.4 Ahli harus mengambil bahagian dalam segala bentuk aktiviti yang dianjurkan oleh kelab.

**11. AKTIVITI**

11.1 Mesyuarat Agung akan diadakan mengikut takwim aktiviti kokurikulum

11.2 Perjumpaan mingguan akan diadakan mengikut takwim kokurikulum iaitu pada hari ______ dari jam 12.30 tgh hari hingga 1.30 tgh hari di kelas yang akan ditetapkan dan pada hari ________ yang tertentu seperti yang ditetapkan dalam Rancangan dan Strategi kecemerlangan Kokurikulum Kelab Agama Kristian.

11.3 Sebarang pindahan aktiviti akan dibuat oleh Guru Penasihat dan diumumkan kepada pengetahuan ahli semasa perhimpunan atau melalui papan kenyataan Kelab.

**12. PERATURAN-PERATURAN**

12.1 Peraturan sekolah adalah menjadi peraturan asas.

12.2 Ahli-ahli yang melanggar peraturan akan dikenakan tindakan tatatertib.

12.3 Keahlian atau jawatan seseorang boleh digantung/ ditamatkan sekiranya:

a. ahli jawatankuasa berpendapat tingkah laku ahli adalah melampau atau melanggar perlembagaan persatuan.

b. dibenarkan oleh guru penasihat kelab dengan sebab yang munasabah.

c. permohonan bertulis untuk menarik diri dikemukakan oleh ahli tersebut dan diluluskan oleh guru penasihat persatuan.

**13. PINDAAN PERLEMBAGAAN**

13.1 Pindaan kepada mana-mana bahagian dalam Perlembagaan Persatuan Agama Kristian boleh dilakukan pada bila-bila masa atas nasihat Pengetua atau guru penasihat kelab.

Yang menjalankan tugas,

| | |
|---|---|
| ………………………………… | …………………….............. |
| (                                        ) | (                                        ) |
| Setiausaha | Pengerusi, |
| ………………………………… | …………………….............. |
| (                                        ) | (                                        ) |
| Guru Penasihat | Guru Penasihat |

*This document can be downloaded from www.su.org.my and www.tcfmy.org*

## 6. Draf Rancangan Aktiviti Tahunan Persatuan Agama Kristian

**RANCANGAN AKTIVITI TAHUN 2012**
**Persatuan Agama Kristian/ Christian Fellowship**
**SMK ______________________**

| Tarikh | Aktiviti | Keterangan Lanjut Mengenai Aktiviti | Pihak Yang Terlibat | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| **Januari 2012** | Pendaftaran | 1. Menguruskan pendaftaran murid-murid tingkatan 1 hingga 5 | Guru-guru penasihat | |
| **Januari 2012** | Perjumpaan Pertama<br>• Mesyuarat Agung Tahunan | 1. Pemilihan AJK 2012<br>2. Penerangan tentang Perlembagaan Persatuan Agama Kristian (CF)<br>3. Membincangkan aktiviti tahunan | Guru-guru penasihat | |
| **Januari 2012** | Perjumpaan Kedua<br>• Mendirikan Kumpulan kecil- Cell Group<br>• Sesi suai kenal | 1. Membahagikan murid-murid kepada 5 - 8 orang sekumpulan kecil.<br>2. Memilih ketua kumpulan.<br>3. Guru menerangkan tujuan dan fungsi Cell Group. | 1. Pengerusi dan naib pengerusi<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **Februari 2012** | Perjumpaan Ketiga<br>• Sesi kongsi pengalaman<br>• Sumbangsaran kumpulan | 1. Topik: An Eye Opener (Testimony/Sharing)<br>2. Guru membimbing murid-murid memberi pandangan tentang topik tersebut. | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **Februari 2012** | Perjumpaan Keempat<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: Christ The Center – 2 Corinthians 5:17 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **Februari 2012** | Perjumpaan Kelima<br>• Ceramah | 1. Topik ceramah: Today's Youth.<br>2. Sesi soal jawab | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Mac 2012** | Perjumpaan Keenam<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. 1. Topik: Christ The Center 2– Galatians 2:20 (Scripture Memory System)<br>2. 2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **Mac 2012** | Perjumpaan Ketujuh<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menguji pengetahuan Bible) | 1. Murid-murid menjawab soalan-soalan tentang Bible Knowledge.<br>2. Perbincangan jawapan di bawah bimbingan guru-guru. | 1. AJK<br>2. Ketua kumpulan<br>3. Guru-guru Penasihat | |
| **Mac 2012** | Perjumpaan Kelapan<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: Obedience to Christ – Romans 12:1 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **April -2012** | Sambutan Hari Good Friday | 1. Topik: Celebrations of Hope<br>2. Nyanyian<br>3. Ceramah<br>4. Drama | Guru-guru penasihat | |
| **April -2012** | Perjumpaan Kesembilan<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: Obedience to Christ 2 – John 14:21 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **April 2012** | Pertandingan Kuiz Bertulis BK Kebangsaan | National Postal Bible Knowledge Quiz | Guru-guru penasihat | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Mei 2012** | Perjumpaan Ke-10<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: The Word – 2 Timothy 3:16 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **Mei 2012** | Perjumpaan Ke-11<br>• Pembentangan Topik<br>• Perbincangan | 1. Permainan & nyanyian<br>2. Topik – Relationship<br>3. Perbincangan kumpulan tentang topik yang dibentang. | Guru-guru penasihat | |
| **Mei 2012** | Perjumpaan Ke-12<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: The Word 2 – Joshua 1:8 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **Jun 2012** | Perjumpaan Ke-13<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: Prayer – John 15:7 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **Jun 2012** | Perjumpaan Ke-14<br>• Perbincangan Book of *Luke* | 1. Permainan & nyanyian<br>2. Ceramah dan Sesi soal jawab<br>3. Perbincangan kumpulan tentang topik | Guru-guru penasihat | |
| **Jun 2012** | Perjumpaan Ke-15<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: Prayer 2 – Philippians 4:6-7 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Julai 2012** | Perjumpaan Ke-16<br>• Perbincangan<br>• Hari Kokurikulum | 1. Menubuhan AJK Hari kokurikulum<br>2. Merancangkan aktiviti-aktiviti pada hari Kokurikulum | 1. Guru-guru penasihat<br>2. Pengerusi<br>3. AJK | |
| **Julai 2012** | Perjumpaan Ke-17<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: Fellowship – Matthew 18:20 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **Julai 2012** | Hari Kokurikulum | 1. Menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancangkan pada hari Kokurikulum | Guru-guru penasihat | |
| **Ogos 2012** | Perjumpaan Ke-18<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: Fellowship 2 – Hebrews 10:24-25 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **Ogos 2012** | Perjumpaan Ke-19<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: Witnessing – Matthew 4:19 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |
| **Ogos 2012** | Perjumpaan Ke-20<br>• Aktiviti Kumpulan (Latihan menghafal Memory Verse)<br>• Sesi kongsi pengalaman | 1. Topik: Witnessing 2 – Romans 1:16 (Scripture Memory System)<br>2. Perbincangan kumpulan tentang topik | 1. Pengerusi dan ketua kumpulan<br>2. Guru-guru penasihat | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **September 2012** | Perjumpaan Ke-21<br>Hari Pemberian Markah Ko-kurikulum | 1. Mengira markah.<br>2. Memberi markah ko-kurikulum kepada setiap ahli | Guru-guru penasihat | |
| **September 2012** | Perjumpaan Ke-22 | Topik ceramah:<br>________________ | Guru-guru penasihat | |
| **September 2012** | Perjumpaan Ke-23 | 1. Perbincangan persediaan untuk Majlis Doa Restu<br>2. Ucapan guru penasihat | 1. Pengerusi<br>2. AJK | |
| **September 2012** | Perjumpaan Ke-24 | 1. Sesi Post Mortem<br>2. Pemilihan AJK 2013 dan merancang aktiviti untuk tahun 2013 | | |
| **Oktober 2012** | Perjumpaan Ke-25 | Jamuan Akhir Tahun | | |

Projek/Aktiviti Khas:

1. 13th KL/PJ leaders' Convention 2012 ( AJK) Februari ____________________________

2. BK Oral Quiz murid tingkatan 4 & 5 yang mengambil BK sebagai subjek Elektif SPM

   ___________________________________________________________________________

*This document can be downloaded from www.su.org.my and www.tcfmy.org*

## 7. Surat Persetujuan Menjadi Guru Penasihat

Pn ____________& Pn ____________
________________________________
________________________________

______________________________________________________________________________

Pengetua

____________________

____________________ Tarikh:

Tuan Pengetua,

Persetujuan Menjadi Guru Penasihat Persatuan Agama Kristian SMK _________________

Merujuk kepada perkara di atas, kami Pn ________________ dan Pn __________________

dua orang guru yang beragama Kristian bersetuju menjadi guru penasihat Persatuan Agama Kristian di sekolah ini.

Sekian, terima kasih.

Berkhidmat Untuk Negara.

Yang benar,

_____________________
( )

_____________________
( )

*This document can be downloaded from www.su.org.my and www.tcfmy.org*

## 8. Surat Daripada Badan Rujukan Persatuan Agama Kristian

Tarikh:

Daripada:

Pengerusi,
Majlis Sekolah-Sekolah Kristian Malaya
(Malayan Christian Schools' Council)

Kepada:

Pengetua,
SMK ________________
_____________________
_____________________

Tuan,

**Surat Naungan dari Badan Induk Naungan (Rujukan: SN 1/2011)**
Dengan hormat dimaklumkan bahawa Majis Sekolah-Sekolah Kristian Malaya sudi menjadi badan induk naungan untuk Persatuan Pelajar-Pelajar Agama Kristian di sekolah Tuan seperti yang dikehendaki dalam Garis Panduan Penubuhan Persatuan Agama Bukan Islam Di Sekolah-Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan, Syarat Penubuhan 1. 1.5.

Sekian, terima kasih.

Dengan lkhlas,

Pengerusi Majlis Sekolah-Sekolah Kristian Malaya

Nama :

Tarikh:

***This document can be downloaded from www.su.org.my and www.tcfmy.org***

# 4 CONTACTS AND ADDITIONAL INFORMATION

## SCF Support Team

For any inquiries, help or report of issues and problems related to the School Christian Fellowship contact:

**Scripture Union Peninsular Malaysia**
Tel: 03-7782 9592
Fax: 03-7783 1663
Emel: info@su.org.my
junyi@su.org.my
chrischeah@su.org.my

## To Download Contents of the Blue Print

- www.su.org.my (Scripture Union)
- www.tcfmy.org (Teachers' Christian Fellowship)

## Information and Resources on SCF, Teaching and education, SPM Bible Knowledge, BK oral & Postal Quiz

- www.su.org.my
- www.methodisteducation.edu.my (Methodist Council of Education)
- www.tcfmy.org

## Inquiries on the SPM Bible Knowledge 9221

Email BK Info Network: bknet2011@gmail.com
Tel. Mrs Kua: 016-390 9495

## Other Contacts and Websites

**Christian Federation of Malaysia (CFM)**
Email: cfm.exesec08@gmail.com

**National Evangelical Christian Fellowship (NECF)**
Website : www.necf.org.my
Tel: +603-7727 8227
Fax: +603-7729 1139
Email: enquiries@necf.org.my

**Malayan Christian Schools Council (MCSC)**
Tel: 03-7960 7663
Fax: 03-7958 3346
Email: mcsc1957@yahoo.com

# 5 APPENDIX

## A | RUKUN NEGARA

**Matlamat Rukun Negara**

= mengukuhkan perpaduan.
= memelihara corak hidup demokratik.
= mencipta sebuah masyrakat yang adil.
= menjamin sikap liberal terhadap tradisi kebudayaan yang pelbagai.
= membina masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi.

**Prinsip-Prinsip Rukun Negara**

**a) Kepercayaan kepada Tuhan**

= Bangsa dan Negara ini telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan.
= Melalui kepercayaan beragama inilah akan menjadikan bangsa dan negara ini sebagai satu bangsa dan negara yang berdaulat.
= Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama rasmi Persekutuan, tetapi agama dan kepercayaan-kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana bahagian di dalam Persekutuan dan tindakan membeza-bezakan terhadap seseorang warganegara atas alasan agama adalah dilarang sama sekali.

**b) Kesetiaan Kepada Raja Dan Negara**

= Semua rakyat dituntut setia kepada raja dan negara.
= Yang di Pertuan Agong merupakan ketua negara dan Raja Melayu merupakan ketua negeri.
= Raja adalah simbol penyatuan rakyat dan pelindung hak istimewa peribumi.
= Penderhakaan kepada raja juga bermaksud penderhakaan kepada negara.

**c) Keluhuran Perlembagaan**

= Perlembagaan merupakan undang-undang utama
= Perlembagaan dianggap luhur, suci dan unggul
= Rakyat dituntut supaya menerima, mematuhi, menyanjung dan mempertahankannya.

**d) Kedaulatan Undang-Undang**

= Rakyat dituntut menghormati undang-undang dengan tidak melakukan kesalahan di sisi undang-undang.

= Rakyat akan hidup dalam keamanan apabila kedaulatan undang-undang terpelihara.

= Rakyat bertanggungjawab memastikan undang-undang negara sentiasa didaulatkan dan tidak dicabar oleh mana-mana pihak.

**e) Kesopanan Dan Kesusilaan**

= Rakyat Malaysia dituntut bersopan dan bertatasusila.

= Ia merupakan nilai-nilai murni yang melambangkan keperibadian seseorang individu.

= Amalan ini akan menjamin kehidupan masyarakat yang harmoni, penyayang dan saling menghormati.

**The Objectives**

Rukun Negara is a philosophy – de facto Malaysian pledge of allegiance – introduced by the Malaysian government 1970 with the objectives to:

- strengthen unity
- nurture a democratic lifestyle
- create a just society
- assure an accommodating attitude to our diverse cultures
- build a progressive society that will utilize science and technology

**The Five Principles**

1. Belief in God
2. Loyalty to King and Country
3. Supremacy of the Constitution
4. The Rule of Law
5. Mutual respect and good social behavior

## B | THE NATIONAL PHILOSOPHY OF EDUCATION

**Falsafah Pendidikan Kebangsaan**
“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan Negara.”

**National Philosophy Of Education**
“Education in Malaysia is an ongoing effort towards further developing the potential of individuals in a holistic and integrated manner, so as to produce individuals who are intellectually, spiritually, emotionally and physically balanced and harmonic, based on a firm belief in and devotion to God. Such an effort is designed to produce Malaysian citizens who are knowledgeable and competent, who possess high moral standards, and who are responsible and capable of achieving a high level of personal well-being as well as being able to contribute to the harmony and betterment of the family, the society and the nation at large.”

## PATHWAYS TO BE A CERTI




PPISMP – Preparatory course for Bachelor of Teaching
PISMP dengan kepujian – Bachelor of Teaching with Honours
DPLI – Diploma Perguruan Lepas Ijazah (Post-graduate Teacher Education Course)
KDC - Kursus Dalam Cuti (Holiday course)
PGSR – Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (Graduate Programme for Primary School Teachers)
PPG – Program Pensiswazahan Guru (Graduate Programme for Teachers)
GSTT – Guru Sandaran Tidak Terlatih (Attachment Teachers without Training)

***This document can be downloaded from www.su.org.my and www.tcfmy.org***

## FIED TEACHER IN MALAYSIA

**AFTER STPM**

**UNDERGRADUATE DEGREE COURSES**

- Public universities
- Private universities
- (Bachelor Degree)

Bachelor in Education (Graduate Teacher)

**DPLI**
**(Post-graduate Diploma in education )**

- 1.5 years full time
- Government sponsored
- In all TEI
- Application in June
- Intake in January

**PGSR/ KDC**
**(School Holiday course for non-graduates)**

- For trained govt. primary school teachers
- 4 years part-time
- In selected Teacher Education Institutes
- Government sponsored
- Application in June
- Intake in November 2008 and 2009

**PPG**

- 4 years distance learning
- Modular based
- Face-to-face interaction
- 5 times per semester
- Government sponsored
- Intake in 2011 and 2012

**GSTT**

- DPLI for graduate teachers
- PPISMP for non-graduate teachers
- Full time
- Government sponsored
- Intake in January 2011 and 2012
- Untrained teachers serving in schools for at least 2 years

**GRADUATE TEACHER**

# D | MOE CIRCULAR ON TEACHING BIBLE KNOWLEDGE IN SCHOOLS

**PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**
*Office of Director-General of Education Malaysia*
**ARAS 8, BLOK E8**
*Level 8, Block E8,*
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**
*Government Complex Parcel E,*
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**
*Federal Government Administrative Centre*
**62604 PUTRAJAYA**

*Tel* : **03-8884 6077**
*Fax* : **03-8889 4548**
*Laman web*: **http:www.moe.gov.my**

KP(BPSH-SPDK) 201/005/01/Jlld. 4(7)
27 April 2011

**Semua Pengarah Pelajaran Negeri**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 4 TAHUN 2011***
**PELAKSANAAN PENGAJARAN *BIBLE KNOWLEDGE* KEPADA MURID-MURID BERAGAMA KRISTIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH-SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN SELEPAS WAKTU PERSEKOLAHAN**

Kementerian Pelajaran Malaysia membenarkan pengajaran *Bible Knowledge* kepada murid-murid Kristian di luar waktu persekolahan di premis Sekolah Kerajaan. Kebenaran ini diberikan bagi tujuan untuk membantu murid-murid berkenaan menduduki peperiksaan mata pelajaran tersebut di peringkat SPM sajaha.

2. Pelaksanakan keputusan membenarkan pengajaran *Bible Knowledge* kepada murid-murid Kristian hendaklah mengikut panduan berikut

2.1 **Pengajaran *Bible Knowledge* di Sekolah Bantuan Kerajaan**.

2.1.1 Sekiranya dalam sesebuah daerah itu terdapat Sekolah Bantuan Kerajaan yang menawarkan pengajaran *Bible Knowledge* bagi peperiksaan SPM, maka premis sekolah tersebut boleh digunakan untuk mengajar murid-murid Kristian.

2.1.2 Bagi murid-murid lain dari Sekolah-Sekolah Kerajaan dalam daerah yang sama yang berhasrat mengambil mata pelajaran *Bible Knowledge* bagi peperiksaan SPM boleh menumpang belajar di Sekolah Bantuan Kerajaan tersebut.

2.2 **Pengajaran *Bible Knowledge* di Sekolah Kerajaan**.

2.2.1 Jika sekiranya dalam sesebuah daerah itu **tidak terdapat** Sekolah Bantuan Kerajaan atau jarak sesebuah Sekolah Kerajaan itu adalah sangat jauh daripada Sekolah Bantuan Kerajaan yang menawarkan pengajaran *Bible Knowledge*, maka pengajaran *Bible Knowledge* di premis Sekolah Kerajaan boleh diadakan di luar waktu persekolahan; dan

2.2.2 Pengajaran *Bible Knowledge* dalam premis Sekolah Kerajaan selepas waktu persekolahan hanya boleh diadakan sekiranya mendapat persetujuan daripada Persatuan Ibubapa (PIBG) sekolah seperti Peraturan 5(1)(d), Peraturan-Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibubapa-Guru)1998 [P.U.(A)118/98];

3. Kebenaran yang diberikan untuk pengajaran *Bible Knowledge* di Sekolah Kerajaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

3.1 Murid-murid beragama Islam tidak dibenarkan sama sekali menghadiri kelas pengajaran *Bible Knowledge*;

3.2 Murid-murid dari agama lain pula hendaklah mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa masing-masing jika hendak mengikuti kelas pengajaran *Bible Knowledge;*

3.3 Pengajaran *Bible Knowledge* di premis Sekolah Kerajaan hendaklah tidak menimbulkan apa-apa implikasi kewangan kepada Kerajaan.

3.4 Pihak penganjur pengajaran *Bible Knowledge* dan murid-murid yang mengikuti kelas itu dilarang meninggalkan apa-apa bahan atau material yang digunakan semasa sesi pengajaran, di mana-mana bahagian premis Sekolah Kerajaan selepas sesi pengajaran berakhir;

3.5 Pengajaran di luar skop sukatan peperiksaan *Bible Knowledge* peringkat SPM adalah tidak dibenarkan, misalnya pengajaran yang berhubungan dengan pembaptisan; dan

3.6 Guru-guru yang disediakan oleh pihak penganjur untuk mengajar *Bible Knowledge* itu hendaklah terdiri daripada guru-guru yang berdaftar di bawah Seksyen 103 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550].

4. Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya serta memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, Pengetua dan Guru Besar di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**DATO' ABD. GHAFAR BIN MAHMUD**
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Mohd Yassin
   Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran

2. Y.B Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong
   Timbalan Menteri Pelajaran

3. Y.B Datuk Dr. Mohd Puad Bin Zarkashi
   Timbalan Menteri Pelajaran

4. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran

5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
   Kementerian Pelajaran

6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
   Kementerian Pelajaran Malaysia

7. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran Malaysia

8. Ketua Nazir Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
   Kementerian Pelajaran Malaysia

9. Penasihat Undang-Undang
   Kementerian Pelajaran Malaysia

10. Pegawai Perhubungan Awam
    Kementerian Pelajaran Malaysia

Jointly published by: